



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884-V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("KVMRT"). Syarikat ini adalah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Projek KVMRT melibatkan pembinaan jaringan rel bandar di Lembah Klang. Setelah pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang ("Laluan SBK") dimulakan pada tahun 2011, **LALUAN MRT SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA ("Laluan SSP")** adalah laluan MRT kedua yang akan dibangunkan.

Bagi tujuan pembangunan laluan SSP, **MMC GAMUDA KVMRT (PDP SSP) SDN BHD (1117100-V)** telah dilantik sebagai Rakan Pelaksana Projek.

MRT Corp mempelawa bakal Penender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER	TAKLIMAT TENDER (MANDATORI)
PACKAGE BMS202: DESIGN, SUPPLY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF BUILDING MANAGEMENT SYSTEM FOR UNDERGROUND WORKS PACKAGE TENDER NO.: SSP-MRTC-CMP20-OVPR-TEN-00078	Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB CIDB Gred : G7 Kategori : ME	RM12,190.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Seratus Sembilan Puluh Sahaja) (termasuk 6% GST) Deraf Bank / Banker's Cheque Pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)	Tarikh : Rabu, 30 Ogos 2017 Masa : 9.30 pagi Tempat : KVMRT Training Centre, Lot. No. 994/998, Jalan Subang, Kampung Baru Sungai Buloh, 47000, Sg. Buloh, Selangor. Semua Penender dikehendaki mendaftar pada Rabu, 30 Ogos 2017, di tempat yang tertera di atas di antara pukul 9.00 pagi sehingga 9.30 pagi. Hanya maksimum tiga (3) wakil dari setiap Penender dibenarkan. Wakil-wakil dari pihak penender yang berminat mestilah dari kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengalaman di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja diatas serta diberi kuasa oleh syarikat. Salah satu wakil haruslah terdiri daripada berikut:- 1. Pengarah Urusan atau; 2. Pengarah Eksekutif atau; 3. Ketua Pegawai Eksekutif

Dokumen Tender boleh dibeli mulai **30 Ogos 2017 (selepas taklimat tender)** sehingga **13 September 2017** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN	MASA JUALAN DOKUMEN TAWARAN TENDER
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia	Isnin hingga Khamis: 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat: 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang

Pembayaran bagi pembelian Dokumen Tender hanya boleh dibuat melalui Deraf Bank atau *Banker's Cheque* pada amaun yang dinyatakan dalam jadual di atas dan dibayar di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd.** dan tidak akan dikembalikan

Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk Tender dan Nombor Tender di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di MRT Corp, **Jabatan Perolehan tidak lewat dari jam 12:00 tengahari, Selasa, 17 Oktober 2017.** Semua penyerahan lewat akan dibatalkan serta-merta.

Selain dari syarat-syarat di atas, Penender **WAJIB** memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI

- Penender atau satu daripada syarikat usahasama atau konsortium telah menjalankan satu (1) projek Building Management System (BMS) tempatan dengan nilai melebihi **Ringgit Malaysia: Sepuluh Juta (RM10 Juta).**
- Penender atau rakan kongsi utama bagi syarikat usahasama atau konsortium mempunyai kebolehan teknikal yang memenuhi kriteria mandatori yang terdapat di dalam *Schedule of Technical Data.*

Nota:

- Penender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor berpengalaman yang memenuhi kriteria mandatori serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tender.
- Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender pada tarikh, masa dan tempat seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
- Penender dibenarkan untuk membentuk satu Usahasama atau Konsortium dengan syarikat tempatan atau syarikat milik asing yang diperbadankan atau berdaftar di Malaysia atau syarikat antarabangsa **DENGAN SYARAT** salah satu dari ahlinya mestilah mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB dengan gred G7 Kategori ME yang masih sah semasa tempoh tender ini. Walau bagaimanapun, syarikat usahasama atau konsortium ini tidak boleh dianggotai lebih daripada dua (2) syarikat.
- Syarikat milik asing yang diperbadankan atau berdaftar di Malaysia mesti mematuhi kehendak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan CIDB (Untuk Kerja).
- Penender hanya di benarkan untuk menyertai tender untuk satu (1) kali sahaja sama ada sebagai Syarikat Perseorangan atau Syarikat Usahasama / Konsortium.
- Sekiranya penyertaan Penender sebagai Syarikat Usahasama/Konsortium, Penender tidak dibenarkan untuk menukar rakan kongsi setelah menyerahkan Dokumen Tender.
- Penyertaan Syarikat Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan di dalam perjanjian usahasama/Konsortium tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi kedua-dua Syarikat Usahasama/Konsortium dan hendaklah menyatakan klausa bahawa semua ahli Syarikat Usahasama/Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama bagi Syarikat Usahasama/ Konsortium tersebut.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Meja Tender (TTD) sebelum membuat pembelian.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada Penender yang telah menghadiri sesi taklimat tender sahaja. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("*bona fide*"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan Surat Pengesahan sebagai wakil serta sijil pendaftaran PPK dan SPKK daripada CIDB yang "**ASAL**" dan "**SALINAN YANG DISAHKAN**" (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A).
- Kesemua penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005] Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
- Dengan mengeluarkan kenyataan tender ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tender paling rendah atau mana-mana tender.
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana tender dari mana-mana penender tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Penender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mail kepada procurement@mymrt.com.my Maklumat lanjut mengenai MRT boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my